

TEKS UCAPAN DATO SERI DR. SITI HASMAH BTE HJ MOHD ALI
TEMPAT LETAK KERETA MAYBANK LORONG TUANKU ABDUL RAHMAN
MAJLIS PERASMIAN PAMERAN POSITIVE LIVES
28 JULAI 2002

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Yayasan PT kerana menjemput saya untuk merasmikan Pameran Positive Lives yang mengkagumkan ini.

2. Pameran seumpama ini adalah amat penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa orang-orang yang hidup dengan HIV/AIDS perlu diberi perhatian dan bantuan kerana mereka tidak semuanya dijangkiti atas sebab gejala sosial terutama wanita dan kanak-kanak. Mengikut statistik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia pada akhir tahun 2001, kes jangkitan terhadap wanita adalah seramai 2470 orang, kanak-kanak seramai 331 orang dan remaja seramai 793 orang dan ramai lagi yang tidak mengetahui status kesihatan sama ada sudah dijangkiti atau tidak. Pameran ini juga akan menggambarkan kehidupan sebenar yang dilalui oleh mereka yang telah dijangkiti dan bagaimana mereka menjalani kehidupan secara positif iaitu kehidupan yang bermakna untuk diri sendiri. Pameran ini mengingatkan kepada masyarakat bahawa mereka masih mampu memainkan peranan besar dalam pembangunan negara dengan menyumbangkan tenaga dan idea mereka.

3. Di samping itu, pameran ini juga adalah sebagai satu peringatan dan seruan kepada masyarakat untuk meningkatkan kefahaman dan keprihatinan masing-masing mengenai isu HIV/AIDS. Silalah renung sejenak dan memikirkan peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat, terutamanya ibu bapa di dalam mendidik anak-anak mengenai HIV/AIDS dan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil.

4. Kita perlu bersama memahami bahawa peningkatan jangkitan bukanlah hanya daripada golongan yang bermasalah sahaja tetapi juga daripada mereka yang kurang mendapat maklumat dan kefahaman mengenai jangkitan dan cara pencegahannya.

5. Kerajaan Malaysia sedar bahawa jika isu HIV/AIDS tidak ditangani dengan segera dengan kerjasama semua lapisan masyarakat, ia seumpama mengabaikan tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat Malaysia untuk melindungi mereka daripada satu epidemik yang terlalu banyak kesan negatifnya.

6. Kerajaan Malaysia memandang serius isu stigma dan diskriminasi yang seringkali berkait dengan isu HIV/AIDS. Kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam menangani isu ini terbukti dengan komitmen yang telah dibuat semasa "ASEAN Heads of Government Summit" pada bulan November 2001. Semasa persidangan tersebut, Kerajaan Malaysia telah membuat komitmen untuk mengetuai dan memberi arah panduan kepada masyarakat sejagat dalam isu HIV/AIDS. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga berkomited untuk memastikan sokong bantu yang positif disediakan untuk orang-orang yang hidup dengan HIV/AIDS.

7. Saya yakin dan percaya Pameran Positive Lives ini adalah satu langkah terbaik ke arah menangani isu stigma dan diskriminasi HIV/AIDS. Saya berbangga dengan keberanian dan keteguhan semangat rakyat Malaysia yang telah mengizinkan diri mereka digambarkan untuk pameran yang mengagumkan ini untuk tatapan para hadirin semua.

8. Oleh itu, saya menyeru kepada setiap lapisan masyarakat supaya lebih bertanggungjawab di dalam menangani isu HIV/AIDS. Harapan saya dan juga harapan mereka yang hidup dengan HIV/AIDS agar isu dan masalah mereka perlu diberi perhatian, didekati dan seterusnya bersama menyokong merealisasikan suara dan impian mereka sebagai rakyat Malaysia di dalam kita bersama-sama menangani
HIV/AIDS.

9. Saya juga menyeru kepada badan-badan korporat, swasta dan Pertubuhan Kerajaan ataupun bukan Kerajaan untuk tampil bersama-sama memberi sumbangan berbentuk pendidikan dan program-program kesedaran agar wabak HIV/AIDS dapat dibendung terutama sekali di kalangan generasi muda yang mana produktiviti dan tenaga mereka sangat diperlukan untuk menjana ekonomi dan kemajuan negara. Negara kita amat bergantung kepada generasi muda ini untuk kesinambungan pembangunan
negara.

Sekian, terima kasih.